

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

LEBUHRAYA KORIDOR GUTHRIE (GCE) NASIHAT PENUNGGANG MOTOSIKAL SUPAYA TIDAK GUNA LALUAN UTAMA LEBUHRAYA DAN TIDAK MEMASUKI LORONG TOL

Kuala Lumpur, _ Jun, 2010 – PROLINTAS Expressway Sdn Bhd, syarikat konsesi Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) ingin menasihatkan penunggang-motorsikal supaya tidak menggunakan laluan utama lebuhraya dan mengelak daripada memasuki lorong tol.

Penunggang motorsikal diminta menggunakan lorong khas motorsikal yang disediakan. Lorong motorsikal dibina bertujuan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya ke atas penunggang motorsikal terutama di waktu puncak.

Hasil dari pemantauan, PROLINTAS Expressway mendapati masih ada penunggang motorsikal yang tidak mengendahkan dan enggan mematuhi larangan ini. Tindakan ini bukan sahaja membahayakan penunggang motorsikal itu sendiri tetapi turut membahayakan pengguna-pengguna lebuhraya yang lain.

Kejadian di mana palang menghempap cermin depan kereta pengguna lebuhraya selepas membayar tol kerap kali berlaku. Ini adalah kesan daripada sikap penunggang motorsikal yang memasuki lorong tol.

Penunggang motorsikal di minta memberi kerjasama dan mengamalkan sikapimbang rasa terhadap orang lain.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian hotline Lebuhraya Koridor Guthrie di nombor 03 6038 5052 atau 1-300-88-0035.

Mengenai Lebuhraya Koridor Guthrie

PROLINTAS Expressway Sdn Bhd (PESB) adalah syarikat yang mengendalikan Lebuhraya Koridor Guthrie sepanjang 25 km.

Lebuhraya Koridor Guthrie menawarkan lorong yang lebar, dua kawasan Rehat dan Rawat yang dilengkapi dengan kemudahan wifi, sistem pengawasan dan kawalan trafik, pembayaran tol secara manual dan elektronik, talian hotline, pasukan ronda dan kaunter jualan kad Touch 'n Go.

Dengan Lebuhraya Koridor Guthrie, perjalanan lebih mudah, lancar dan selesa.

--Tamat--

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Mohd Ramali Abu Bakar
Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat (03) 2164 2450

MEDIA RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

GUTHRIE CORRIDOR EXPRESSWAY (GCE) ADVISES MOTORCYCLISTS TO STOP USING HIGHWAY MAIN LANE AND AVOID ENTERING THE TOLL LANE

Kuala Lumpur, __ June, 2010 – PROLINTAS Expressway Sdn Bhd, the concession company for Guthrie Corridor Expressway (GCE) would like to advise motorcyclists to stop using the highway main lane and avoid entering the toll lane.

Motorcyclists are urged to use the dedicated motorcycle lane provided. The motorcycle lanes are built to reduce accidents risk involving motorcyclists especially during peak hours.

Based on the monitoring, PROLINTAS Expressway discovered that there are motorcyclists who ignored and refused to obey the restriction. The action will not only endangering the motorcyclists but also other highway users.

Several accidents had happened where the automatic lane barrier (ALB) hits the windscreen of the vehicle right after the user had paid the toll. This is the result of the motorcyclist's behavior of zoomed past the toll gate.

Motorcyclists are requested to co-operate and be considerate of others.

For any enquiries, please call Guthrie Corridor Expressway hotline at 03 6038 5052 or 1-300-88-0035.

About Guthrie Corridor Expressway (GCE)

PROLINTAS Expressway Sdn Bhd (PESB) is the highway operator for the 25 km Guthrie Corridor Expressway (GCE).

GCE offers a wider lane, two Rest and Service areas (RSA) equipped with wifi services, traffic control and surveillance centre, electronic and manual toll payment, toll hotline number, patrolling team and Touch 'n Go Point of Sale. With GCE, travelling is easy, smooth and convenient.

--End--

For further inquiries, please contact Encik Mohd Ramali Abu Bakar
The Corporate Communications Manager at (03) 2164 2450
